

Taman Laut terus diceroboh

Penggunaan pukat tunda antara kes tertinggi direkodkan selain ambil gamat

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

Kes pencerobohan Taman Laut di Terengganu yang tertinggi di negara ini, iaitu 27 kes berbanding lebih 50 kes yang direkodkan sepanjang tahun lalu.

Pengarah Jabatan Taman Laut Terengganu, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, penggunaan pukat tunda di kawasan taman laut antara kes tertinggi yang direkodkan, selain mengambil gamat menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan.

Menurutnya, selain Terengganu, empat negeri lain yang turut mempunyai taman laut ialah Labuan, Pahang, Johor dan Kedah.

Pada tahun 2016, kes pencerobohan sebanyak 23 kes dan



Jabatan Taman Laut Terengganu dan Maritim ketika meninjau operasi penenggelaman bot rampasan dijadikan tukun tiruan.

untuk tahun ini, satu kes direkodkan. Antara kes yang paling berat dikesan ialah menggunakan pukat jerut kerana turut mengaut koral dan merosakkan hidupan marin di situ.

“Kita dapati mereka biasanya melakukan pencerobohan pada waktu malam, iaitu jam 10 malam ke atas bagi mengelak dikesan.

“Ada juga kes langgar syarat lesen, iaitu mengambil gamat dengan menggunakan alat menangkap ikan yang tidak dibenarkan seperti spear-

gun (senapang ikan). Contohnya, dia minta lesen pukat jerut tapi dia ‘tarik’ gamat,” katanya.

Di Terengganu, terdapat 13 pulau yang meliputi kawasan perairan seluas 56,869 hektar telah diwartakan sebagai Taman Laut pada tahun 1994.

Antaranya ialah Pulau Perhentian Kecil, Pulau Perhentian Besar, Pulau Susu Dara, Pulau Lang Tengah, Pulau Redang, Pulau Lima, Pulau Ekor Tebu, Pulau Pinang,

Pulau Yu Kecil, Pulau Yu Besar, Pulau Kapas, Pulau Tenggol, Pulau Nyireh.

Beliau berkata, dalam lesen perikanan, bagi pulau yang telah digazet sebagai taman laut, dalam lingkungan dua batu nautika, tidak dibenarkan apa-apa aktiviti menangkap ikan, termasuk memancing.

“Bot kelas A iaitu bot tradisional yang menggunakan pukat hanyut hanya boleh memancing dan mencandat melebihi dua batu nautika

info

• Terdapat 13 pulau di Terengganu diwartakan sebagai Taman Laut pada 1994

dari Taman Laut. Manakala bot kelas B tujuh hingga 12 batu nautika dari taman laut manakala bot kelas C1 dan C2 melebihi 30 batu nautika.

“Bagi mengatasi masalah pencerobohan di taman laut, Jabatan Taman Laut Terengganu meningkatkan pemantauan dan rondaan, termasuk pada bulan puasa,” katanya.

Selain itu, mereka turut bekerjasama erat dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) bagi melindungi kawasan itu dari sebarang aktiviti pencerobohan dan menyalahi undang-undang.

“Mereka yang melakukan kesalahan di kawasan larangan taman laut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali,” katanya.